

Bil. 8

Khamis

23 Julai 2020



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Masalah Permohonan Warganegara Perkara 15A**
- *YB. Tuan Chai Ming Kai (Alor Setar)* (Halaman 1)
- **Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan (KPKT) Harus Membendung Pengedaran
dan Penjualan Arak Murah dan Tanpa Lesen**
- *YB. Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)* (Halaman 4)

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 23 Julai 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)
 mempengerusikan Mesyuarat]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Masalah Permohonan Warganegara Perkara 15A

2.34 ptg.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Yang Di Pertua. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin menarik perhatian pihak kementerian ke atas kes permohonan warganegara khususnya di bawah Perkara 15A. Terdapat banyak permohonan yang sudah lama proses tetapi masih tiada maklum balas dan pemohon tidak tahu apa dokumen yang masih diperlukan untuk mendapat kelulusan kerana keputusan tolak dan gagal tidak dijelaskan apa punca sebab penolakan. Berikut adalah permohonan daripada keluarga di Kedah yang telah melebihi lima tahun yang masih belum dapat keputusan. Minta Menteri menjelaskan mengapa kes-kes berikut memakan masa begitu lama.

Permohonan Tahun 2014 Subjek	Permohonan Tahun 2015 Subjek
Ooi Min Yi	See Chai Xuan
Chan Jiun Xin	Edvin Teoh Zhi Yeh
Ooi Wei Ern	Lim Zhi Feng
Chan Huan Eng	Kooy Yi Jia
Chan Lay Poh	Tan Hock Keong

Vinnie Lim	Hong Sheng He
Teoh Te Yong	Chea Yan Li
Ong Kok Wei	Pek Wei Chun
Chanawee Woon	Cheng Wen Jie
Chanaport Woon	
Lim Ching Fai	
Ku Yin Shi No	

Tahun lepas, bekas Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin bin Haji Mohd. Yassin telah membuat pengumuman bahawa SOP permohonan berkenaan akan ditambah baik mulai tahun ini untuk mempercepatkan proses tersebut. Adakah kes-kes sebelum ini juga turut dipermudahkan atas prinsip dan semangat yang sama ataupun kes lama masih mengikut SOP lama yang memakan masa lama.

Adakah kes-kes lama yang ditolak juga turut dimaklumkan sebab penolakan mengikut SOP baharu. Minta Menteri menyatakan jumlah permohonan yang diterima setiap tahun sejak tahun 2013 dan berapa kes antara permohonan setiap tahun tersebut sudah selesai dan masih dalam proses. Minta Menteri menyatakan juga jumlah kes permohonan yang sudah melebihi lima tahun yang masih dalam proses dan belum selesai. Sekian, terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan saya Ahli Parlimen Alor Setar yang sentiasa membantu dan menyuarakan masalah-masalah mengenai agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri khususnya mengenai isu kewarganegaraan, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan 21 permohonan kewarganegaraan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kementerian telah membuat semakan sewajarnya dan mendapat perkara-perkara seperti berikut:

- (i) dua permohonan telah dikeluarkan dengan keputusan iaitu permohonan bagi Chan Jiun Xin dan Cheng Wen Jie;

- (ii) manakala bagi berbaki 19 permohonan lagi sedang dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri.

Dalam hal ini, bagi 21 kes berkenaan atau mana-mana permohonan daripada individu yang dirujuk kepada Ahli Yang Berhormat, kementerian ingin mencadangkan agar para pemohon merujuk terus kepada kementerian atau Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan cara hadir ke pejabat kaunter ataupun melalui e-mel dan telefon bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan dokumen pengenalan diri atau membuat semakan status permohonan kewarganegaraan Malaysia. Yang Berhormat pun boleh bantu untuk berjumpa bawa *client* itu bersama dengan Yang Berhormat.

SOP baharu permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan diproses dengan lebih sistematik dan berkesan. Kementerian telah menambah baik prosedur pengendalian standard (SOP) permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dengan tempoh pemprosesan yang lebih singkat bagi permohonan lengkap yang diterima mulai tahun 2020.

Penambahbaikan SOP berkenaan adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan dan Kaedah-kaedah Kewarganegaraan 1964 serta turut mengambil kira pelbagai aspek termasuklah kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

Statistik permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Permohonan bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 30 Jun 2020. Berdasarkan rekod JPN, bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 46,749 permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan telah diterima. Daripada jumlah permohonan berkenaan, sebanyak 2,898 permohonan telah siap diproses dan diluluskan. Manakala sebanyak 31,862 permohonan sedang diproses.

Seterusnya berhubung dengan permohonan kewarganegaraan yang sedang diproses melebihi tempoh masa lima tahun. Kementerian mewujudkan pasukan petugas pada tahun 2019 bagi menyelesaikan proses permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pasukan petugas berkenaan kementerian telah berjaya mencapai sasaran untuk menyelesaikan permohonan-permohonan berkenaan yang tertunggak.

Perincian kes-kes yang selesai yang telah lulus saya telah nyatakan 2,898 dan yang dalam proses di antara 2013 hingga 2020 sejumlah 31,862 kita akan bekalkan kepada Yang Berhormat mengikut tahun ke tahun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

■1440

**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
Harus Membendung Pengedaran dan
Penjualan Arak Murah dan Tanpa Lesen**

2.50 ptg.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri KPKT.

Penjualan arak murah dan tanpa lesen semakin berleluasa di Malaysia. Arak murah dan tanpa lesen ini didapati tidak mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia dan barangkali menggunakan bahan larangan dan kimia yang memudaratkan kesihatan pengguna. Kematian 20 orang di Selangor pada tahun 2018 akibat keracunan arak murah jelas menunjukkan kemudaratkan arak murah ini kepada pengguna.

Selain itu, arak tanpa lesen yang kebiasaan dijual murah dengan panggilan *duty-free* ini mengakibatkan ketirisan pendapatan cukai kepada negara. Sindiket pengedar dan penjual arak murah yang kebiasaan menyasarkan kawasan golongan B40 dan warga asing ini juga lebih senang didapati dan mengakibatkan ketagihan dalam kalangan pengguna B40 dan warga asing terutamanya. Sehubungan dengan itu, saya memohon kerjasama Menteri KPKT untuk mendapatkan pelan tindakan dan cara KPKT menangani penjualan arak murah.

- (i) Nyatakan jumlah lesen arak kelas runcit di bawah Akta Eksais 1976 yang dikeluarkan oleh Penguat kuasa Kerajaan Tempatan (PBT) dan negeri di Malaysia sehingga tahun 2019;
- (ii) Nyatakan jumlah pendapatan kasar Kerajaan Malaysia dari hasil cukai jualan/cukai eksais daripada penjualan arak keras sepanjang tahun 2019;
- (iii) Nyatakan jumlah kematian akibat komplikasi kerosakan hati (*liver*) di Malaysia sepanjang tahun 2019 mengikut pecahan kaum dan umur;
- (iv) Nyatakan bilangan kompaun dan tindakan undang-undang mengikut setiap PBT terhadap penjual dan

juga pengedar dan premis menjual arak murah dan tanpa lesen;

- (v) Adakah Kementerian KPKT bercadang untuk menubuhkan suatu jawatankuasa bagi membendung penjualan arak murah dan tanpa lesen serta mewujudkan suatu rangkaian atau talian aduan nasional berkenaan premis menjual arak murah; dan
- (vi) Adakah Kementerian KPKT bercadang untuk menubuhkan suatu jawatankuasa khas di setiap PBT yang mengawal dan membendung penjualan arak murah dan rokok murah.

Sekian terima kasih.

2.43 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Klang yang mengemukakan soalan tentang arak dan prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat akibat daripada penggunaan arak dengan mengemukakan enam soalan khusus tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) hanya mengeluarkan lesen premis perniagaan di bawah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian selepas permohonan lesen penjualan arak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan negeri, pejabat daerah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Melalui data yang diperoleh daripada kerajaan negeri, jumlah lesen arak kelas runcit yang telah dikeluarkan sehingga 1 Julai 2020 ialah sebanyak 5,791 lesen seperti di bawah. Berdasarkan jumlah tersebut, negeri yang paling mengeluarkan lesen arak kelas runcit adalah seperti Selangor. Jumlah lesen arak kelas runcit yang dikeluarkan mengikut negeri adalah seperti jadual di bawah. Perlu Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:
[Mengangguk]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:

Pecahan Mengikut Negeri	Jumlah Lesen
Selangor	1,721
Sarawak	1,212
Johor	558
Wilayah Persekutuan	537
Pulau Pinang	413
Sabah	400
Perak	296
Negeri Sembilan	216
Pahang	210
Melaka	109
Kedah	95
Perlis	12
Kelantan	7
Terengganu	5
Jumlah	5,791

Mengenai soalan kedua Tuan Yang di-Pertua, hasil cukai jualan/cukai eksais adalah di bawah kawal selia Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kewangan. Maklumat yang diperolehi dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengenai jumlah pendapatan kasar Kerajaan Malaysia pada tahun 2019 melalui duti eksais adalah sebanyak RM2.27 bilion. Manakala dari hasil cukai jualan ialah sebanyak RM341.9 juta.

Perincian hasil pendapatan kasar negara melalui penjualan arak sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

Bil.	Duti Eksais	Jumlah (RM)	Cukai Jualan	Jumlah (RM)
1.	Import	237,550,772	Import	82,619,236
2.	Tempatan	2,031,353,992	Tempatan	259,351,452
	Jumlah	2,268,904,764	Jumlah	341,970,689

Berhubung dengan soalan ketiga, maklumat kematian akibat komplikasi kerosakan hati. Adalah dimaklumkan di bawah kawal selia Kementerian Kesihatan Malaysia dan statistik kematian dari Kementerian Kesihatan Malaysia adalah berdasarkan kepada rekod pesakit yang dimasukkan ke hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dan kemudiannya meninggal dunia di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia semasa dalam tempoh rawatan.

Diagnosis klasifikasi penyakit adalah berdasarkan *International Classification of Diseases and Related Health Problems 10th Revision, 2010*

Edition (ICD-10) oleh *World Health Organization* (WHO) dengan izin. Penyebab kematian adalah berdasarkan *underlying cause of death* sepertimana garis panduan yang disarankan oleh pihak WHO dalam menentukan penyebab kematian. Bilangan kematian di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia bagi penyakit berkaitan hati (*liver diseases, ICD-10: K70-K77*) mengikut pelbagai kumpulan umur dan etnik pada tahun 2019 adalah seramai 1,001 orang.

Kematian akibat penyakit berkaitan hati (*liver diseases, ICD-10: K70-K77*) bukan hanya berpunca daripada amalan meminum arak tetapi disebabkan oleh penyakit hepatitis, kanser hati, penyakit auto imun, masalah saluran hempedu, masalah kongenital dan faktor usia. Berdasarkan statistik tersebut, kumpulan umur yang tinggi meninggal dunia adalah dalam lingkungan umur 40 hingga 79 tahun. Perincian bilangan kematian mengikut pelbagai kumpulan umur dan etnik bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

Kumpulan Umur (Tahun)	Melayu	Bumiputera Lain	Cina	India	Lain-Lain	Bukan Warganegara	Jumlah
< 4	7	4	1	1	1	1	15
5 - 19	3	1	0	0	1	0	5
20 - 39	20	9	8	18	3	3	61
40 - 59	236	42	68	78	22	24	467
60 - 79	189	38	107	55	19	4	412
>= 80	13	4	16	6	2	0	41
Jumlah	468	98	200	158	45	32	1,001

Bagi soalan empat, berdasarkan maklumat yang diterima daripada empat buah negeri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sehingga 1 Julai 2020, sebanyak 456 tindakan penguatkuasaan telah diambil di peringkat PBT. Perincian tindakan penguatkuasaan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Bil. Tindakan Penguatkuasaan
1.	Johor	107
2.	Pulau Pinang	200
3.	Negeri Sembilan	3
4.	Selangor	146
5.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	0

Kita sedang juga mendapatkan laporan daripada PBT-PBT yang lain Tuan Yang di-Pertua. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) juga melaksanakan tindakan penguatkuasaan melibatkan risikan, serbuan, tangkapan di premis dan pendakwaan di bawah Akta Eksais 1976 (Akta 176). Sehingga 15 Julai 2020, sebanyak 265 kes melibatkan pelbagai kesalahan di bawah minuman keras telah dituduh ke mahkamah dan sebanyak 113 kes yang telah disabitkan kesalahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kesalahan melibatkan arak dan tanpa lesen boleh didakwa mengikut peraturan seperti berikut:

- (i) Menyebabkan kecederaan dan kematian di bawah Seksyen 304b dan Seksyen 326 Kanun Keseksaan Akta 574;
- (ii) Mengelak duti eksais dan pengilangan haram di bawah Seksyen 74 Akta Eksais 1976 (Akta 176);
- (iii) Menyimpan, menggunakan atau membenarkan premis digunakan sebagai tempat memproses samsu haram di bawah Seksyen 6(1) Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 (Akta 165); dan
- (iv) Menyimpan, mengangkut, menghantar, mengedar, menyorok, memiliki dan menjual rokok atau minuman keras yang belum diluluskan di bawah Seksyen 135, Akta Kastam 1976 (Akta 235).

Tuan Yang di-Pertua, soalan kelima. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini KPKT tiada cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa bagi membendung penjualan arak murah dan tanpa lesen memandangkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah menubuhkan dan mempengerusikan Jawatankuasa Pemandu *Multi-Agency Task Force* dengan izin mulai Januari 2020 bagi membanteras penyeludupan rokok dan minuman keras.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menimbang cadangan tersebut sekiranya terdapat keperluan dan kita akan membuat secara kolaborasi tindakan undang-undang ini.

Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan untuk membincangkan langkah-langkah membanteras penyeludupan rokok dan minuman keras

yang dianggotai oleh agensi-agensi penguatkuasaan dan keselamatan seperti PDRM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Lembaga Pelabuhan Klang dan Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang serta pihak industri.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga melaksanakan operasi penguatkuasaan, perkongsian maklumat dan aset bersama agensi-agensi penguatkuasaan dan keselamatan yang lain dalam membanteras penyeludupan rokok dan minuman keras.

Oleh itu, KPKT berpandangan Jawatankuasa Pemandu *Multi-Agency Task Force* dengan izin bagi membanteras penyeludupan rokok dan minuman keras yang telah diwujudkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia mempunyai fungsi dan peranan yang besar bagi mengawal dan membendung penjualan arak dan rokok haram di negara ini.

Berhubung pewujudan rangkaian talian aduan nasional, KPKT telah mempunyai Sistem Aduan Bersepadu (SAB) dan sistem aduan i-Tegur yang turut diguna pakai di PBT. Orang awam juga boleh menyalurkan sebarang aduan termasuk penjualan arak tanpa lesen kepada PBT melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) atau lain-lain sistem aduan yang dibangunkan oleh PBT.

Tuan Yang di-Pertua, soalan terakhir soalan keenam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini, KPKT tiada cadangan untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa di setiap PBT bagi mengawal dan membendung penjualan arak murah dan rokok murah.

Namun sebenarnya di peringkat daerah telah ada Jawatankuasa Lembaga Pelesenan Daerah yang dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah yang dianggotai oleh ahli lembaga yang terdiri daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Daerah dan juga PBT.

Walau bagaimanapun, KPKT sedia menimbang cadangan tersebut jika terdapat keperluan. Kawalan penjualan arak adalah di bawah peruntukan Akta Eksais 1976 (Akta 176), manakala pengawalan penjualan rokok murah terletak di bawah peruntukan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2009, Seksyen 36 Akta Makanan 1983 (Akta 281) Kementerian Kesihatan Malaysia.

KPKT juga telah mengarahkan kepada kerajaan negeri dan pentadbiran daerah dan PBT untuk kenal pasti premis-premis khas penjualan arak dan meningkatkan penguatkuasaan di peringkat berkenaan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin 27 Julai 2020.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.55 petang]